

**TAHAP KEBERKESANAN PENGGUNAAN MUQADDAM NOOR
AL-HAYAT DI SEKOLAH RENDAH**

Nor Zaihasra Binti Che Harun

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

**TAHAP KEBERKESANAN PENGGUNAAN MUQADDAM NOOR
AL-HAYAT DI SEKOLAH RENDAH**

Nor Zaihasra Binti Che Harun
No. Matrik: 1122552

Laporan ini dikemukakan untuk memenuhi syarat memperoleh
IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH) DENGAN KEPUJIAN

Fakulti Pengajian Bahasa Utama
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Nilai

Julai 2016

PENGAKUAN

Adalah dengan ini saya mengaku bahawa semua hasil tulisan dan tugas dalam kajian ini adalah hasil nukilan saya sendiri melainkan petikan dan ringkasan yang telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: Julai 2016.

Tandatangan :

Nama : Nor Zaihasra Binti Che Harun

No. Matriks : 1122552

Alamat : No- 44, Jalan PP 3/12,

Taman Putra Prima,

47100 Puchong,

Selangor.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani. Alhamdulillah selawat dan salam ke atas Rasul Junjungan Muhammad S.A.W. Syukur dengan izin dan inayahNya dapat saya menyiapkan latihan ilmiah ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada penyelia yang saya kagumi Dr. Hajjah Noor Hayati Binti Hashim kerana dengan tekun dan sabar membantu saya dalam membimbing dan melengkapkan latihan ilmiah ini. Tunjuk ajar beliau amat membantu saya dalam usaha menyempurnakan tugas yang telah diamanahkan ini. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada semua pensyarah terutamanya Dr. Noor Saazai Bt. Mad Saad selaku ketua program Latihan Ilmiah PPG USIM Kohot 3 yang telah banyak memberi tunjuk ajar memberikan ilmu sepanjang pengajian saya di USIM selama 8 semester daripada tahun 2012 sehingga 2016. Nasihat dan teguran yang diberikan amat bermakna bagi saya dan akan saya jadikan panduan pada masa akan datang. Terima kasih juga saya rakamkan kepada rakan-rakan seperjuangan atas segala bentuk pertolongan yang diberikan dan tetap bersama dalam mengharungi pahit getir yang mendatang selama bergelar Pelajar PPG USIM Nilai. Sesungguhnya jasa kalian hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalasnya.

Turut tidak dilupakan kepada Guru Besar Sekolah Kebangsaan Puchong Utama 3 Puan Norida Binti Haji Hanafiah kerana telah membenarkan saya menjalani sesi latihan mengajar selama 8 minggu dan seterusnya menjalankan kajian ilmiah ini. Terima kasih kepada guru-guru Pendidikan Islam, ibu bapa dan murid-murid tahun 1 yang sudi menjadi responden kepada kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua guru dan kakitangan dalam memberi segala bentuk pertolongan semasa kajian ini dijalankan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Teristimewa buat suami tercinta Kossim Bin Mohammed dan anak-anak Nur Qisthina, Nur Qaisara dan Muhammad Ammar yang memahami kesibukan saya dalam menyuntik semangat untuk saya menyiapkan tugas ini.

Akhir sekali, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses penyempurnaan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semua jasa kalian hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalasnya. Semoga hasil kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan dan manfaat dalam memartabatkan bidang pendidikan di Malaysia.

ABSTRAK

Al-Qur'an merupakan kalam Allah yang diturunkan kepada kekasihNya Nabi Muhammad S.A.W untuk disampaikan kepada seluruh umat manusia. Membaca Al-Qur'an dengan betul merupakan Fardhu Ain setiap umat Islam. Justeru, untuk memastikan bacaan Al-Qur'an yang betul, proses pembelajarannya harus bermula sejak kecil seperti pepatah Melayu yang menyebut "Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya" kerana peringkat kanak-kanak merupakan tempoh paling subur dalam proses pembinaan ilmu dan pemikiran kanak-kanak. Perubahan dan penambahbaikan dapat kita saksikan dalam semua sistem pendidikan termasuklah dalam bidang bacaan Al-Qur'an. Sebagai guru Pendidikan Islam yang terlibat secara langsung dengan pengajaran Pendidikan Islam, wajib ke atas pengkaji untuk memastikan penambahbaikan ke atas kelemahan-kelemahan yang ada bagi memastikan mutu pembacaan murid berada pada tahap yang tinggi. Jatuh cinta pandang pertama kepada penampilan istimewa Muqaddam Noor Al-Hayat menarik perhatian pengkaji untuk mengunapakai Muqaddam Noor Al-Hayat sebagai alternatif untuk mengatasi kelemahan yang dikenalpasti dalam bacaan murid. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti keberkesanan penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat ke atas 10 orang murid Tahun 1 dari Sekolah Kebangsaan Puchong Utama 3. Pengkaji mendapatkan data melalui sesi temu bual, pemerhatian serta Ujian Pra dan Ujian Pos bagi mendapatkan maklumat tentang tahap pencapaian responden dalam menyebut huruf-huruf hija'iyah. Pengkaji telah merekodkan hasil daripada sesi temu bual dan pemerhatian yang dijalankan menggunakan borang koding mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Seterusnya pengkaji juga menggunakan keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos untuk mengenalpasti setiap tahap murid yang dikaji dan menganalisa data tersebut menggunakan perisian Microsoft Excel 2013. Hasil analisa mendapati bahawa penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat dalam pengajaran Tilawah Al-Qur'an bagi murid Tahun 1 menunjukkan peningkatan dan memberikan kesan positif kepada murid. Justeru, pengkaji amat berharap hasil kajian yang dijalankan ini dapat dijadikan penanda aras bagi meningkatkan mutu pembacaan Al-Qur'an dalam kalangan murid di sekolah rendah.

ABSTRACT

Al-Qur'an is word of Allah which was revealed to our Prophet Muhammad S.A.W. to be conveyed to all mankind. Reading the Qur'an is obligatory to all Muslims. In order to ensure the accuracy in reading and reciting Al-Qur'an, early introduction should start from childhood like the Malay proverb says "Strike the iron while it's hot" because childhood is the most fertile period in the construction process knowledge and thinking of children. There are and always be changes and improvements in any education system, as well as in the field of Qur'anic recitation. Islamic educators, particularly teachers who are directly involved in teaching Islamic subjects, are compulsory to seek for ways in enhancing and improvising the quality of Qur'anic recitation of their students, and methods to overcome their weaknesses. Fall in love at first sight with a special appearance Muqaddam Noor Al-Hayat attract researchers to adopt Muqaddam Noor Al-Hayat as an alternative to overcome the weaknesses in pupil reading. This study was conducted to determine the effectiveness of using the Muqaddam Noor Al-Hayat upon 10 Standard 1 pupils of Sekolah Kebangsaan Puchong Utama 3. Data on the level of students achievement in pronouncing the letters of Hija'iyah was obtained through interviews, observation, pre-test and post-test. Later, the result was recorded using a coding form based in certain specifications. Next, the researcher was using the results of pre-test and post-test to determine the level of the each examined students by analyzing it using Microsoft Excel 2013. The outcome of the analysis has shown that the use of Muqaddam Noor Al-Hayat in teaching Quranic recitation to Standard 1 pupils show improvements and positive outcomes to the students. Therefore the researcher is highly expecting that the outcome of this study can be a benchmark in improvising and developing of reciting Al-Qur'an in primary schoolers.

KANDUNGAN

HALAMAN TAJUK.....	i
PENGAKUAN.....	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT.....	v
KANDUNGAN.....	vi
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
SINGKATAN	xii
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 PENDAHULUAN.....	1
1.2 PERNYATAAN MASALAH	4
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	5
1.4 PERSOALAN KAJIAN	6
1.5 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN	6
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	7
1.7 LIMITASI KAJIAN	7
1.8 DEFINISI OPERASIONAL.....	8
1.9 KESIMPULAN	9
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	10
2.1. PENDAHULUAN.....	10
2.2. MUQADDAM.....	10
2.3 KEPENTINGAN MEMBACA AL-QUR’AN.....	12
2.4. TEORI-TEORI BERKAITAN.....	14
2.5 KAJIAN TERDAHULU	19
2.6 CONTOH MUQADDAM.....	22
2.6.1 Buku Iqra’	22
2.6.2 Iqra’ (Kaedah Asy-Syafi’e) – Cara Praktis Membaca Al-Qur’an.....	23

2.6.3 Muqaddam Tajwid.....	24
2.6.4 Muqaddam bergambar.....	25
2.6.5 Muqaddam Muhammad.....	26
2.6.6. Buku Tamhid Al-Baghdadi (Siri Mudah Belajar dan Mengajar Al-Qur'an Al-Baghdadi).....	27
2.6.7. Muqaddam Al-Qur'an Rasm Uthmani	28
2.6.8 Muqaddam Al-Qur'an (Juzu' Amma)	28
2.6.9 Buku Iqra' 6 dalam 1 (terkini)	29
2.6.10 Kad Al-Furqan	31
2.6.11. Muqaddam Noor Al-Hayat	32
2.7 KESIMPULAN	35
BAB 3 METODOLOGI.....	37
3.1. PENDAHULUAN.....	37
3.2. PENDEKATAN KAJIAN.....	37
3.3. BENTUK KAJIAN.	38
3.4. PESERTA KAJIAN.	39
3.5. TEMPAT KAJIAN.....	39
3.6. TINJAUAN AWAL.	40
3.7. INTERVENSI.	40
3.8. KAEDAH PENGUTIPAN DATA.....	41
3.8.1. Temu bual	41
3.8.2. Ujian Pra dan Ujian Pos.....	42
3.9. INSTRUMEN KAJIAN.	42
3.9.1. Pemerhatian	43
3.9.2. Temu bual	44
3.10. PROSEDUR KAJIAN.....	45
3.11. ANALISIS DATA.....	45
3.12. ETIKA	48
3.13. KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN	49
3.14. KESIMPULAN.	51
BAB 4 DAPATAN KAJIAN.....	53

4.1 PENDAHULUAN.....	53
4.2 PROFIL RESPONDEN.....	53
4.3 TEMU BUAL RESPONDEN	54
4.3.1 Tahap kemahiran menyebut huruf Hija'iyah	55
4.3.2. Temubual bersama Guru Pendidikan Islam Veteran	61
4.4 PEMERHATIAN	68
4.5 UJIAN PRA DAN UJIAN POS	69
4.5.1 Tahap Kemahiran Sebutan Huruf Hija'iyah Dalam Kalangan Murid	69
4.5.2 Perbezaan keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos bagi mengenalpasti tahap pencapaian kemahiran responden dalam menyebut huruf Hija'iyah.....	79
4.6. TAHAP KEMAHIRAN MURID DALAM MEMBANDINGBEZAKAN HURUF HIJA'YAH MENGIKUT BILANGAN TITIK.	80
4.6.1 Perbandingan antara keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos bertulis bagi mengenalpasti tahap pencapaian responden dalam membandingbezakan huruf mengikut jumlah titik.....	88
4.7 TAHAP KEMAHIRAN MENYAMBUNG HURUF HIJA'YAH DALAM KALANGAN MURID	90
4.7.1 Perbandingan pencapaian responden dalam Ujian Pra dan Ujian Pos bagi kategori menyambung huruf Hija'iyah.....	97
4.8 KESIMPULAN	98
BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN.....	99
5.1. PENDAHULUAN.....	99
5.2. RUMUSAN HASIL KAJIAN.....	100
5.3. IMPLIKASI KAJIAN.	102
5.4. CADANGAN KAJIAN LANJUTAN.....	103
5.5. PENUTUP.....	104
RUJUKAN	105
LAMPIRAN.....	108

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1: Padanan huruf di dalam Al-Qur'an	5
Jadual 2.1: Senarai tajuk sukatan pelajaran Pendidikan Islam (KSSR) Tilawah Al-Qur'an Tahun 1	20
Jadual 3.1 : Mengenalpasti tahap penerimaan dan sikap murid mengikut sesi.	43
Jadual 3.2: Prosedur kerja kajian yang dijalankan.....	45
Jadual 3.3: Soalan temubual sesi 1	46
Jadual 3.4: Soalan temubual sesi 2	46
Jadual 3.5: Soalan temubual sesi 3	47
Jadual 3.6: Jadual koding sesi temubual bersama guru veteran Pendidikan Islam.....	48
Jadual 3.7: Panggilan telefon ibu bapa / penjaga responden.	49
Jadual 4.1: Dapatan temu bual sesi 1	55
Jadual 4.2: Dapatan temu bual sesi 2.....	57
Jadual 4.3: Dapatan temubual sesi 3.....	59
Jadual 4.4: Dapat temu bual bersama guru Pendidikan Islam Veteran.	61
Jadual 4.5: Dapatan pemerhatian ke atas penerimaan dan sikap murid sebelum dan selepas penggunaan MNAH.....	66
Jadual 4.6: Rekod hasil pencapaian bacaan murid menyebut huruf Hija'iyah sebelum penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat	70
Jadual 4.7: Rekod pencapaian menyebut huruf secara lisan Ujian Pos Asas Tilawah Al-Qur'an Tahun 1 (selepas penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat).	76
Jadual 4.8: Keputusan Ujian Pra Bertulis bagi mengenalpasti tahap kemahiran responden dalam membandingbezakan huruf mengikut bilangan titik.....	82
Jadual 4.8: Keputusan Ujian Pos Bertulis bagi mengenalpasti tahap kemahiran responden dalam membandingbezakan huruf mengikut bilangan titik.....	86
Jadual 4.10: Skor pencapaian responden dalam Ujian Pra bagi bidang menyambung huruf Hija'iyah.	91
Jadual 4.11: Rekod pencapaian responden dalam Ujian Pos kategori menyambung huruf Hija'iyah.....	94
Jadual 5.1: Keputusan keseluruhan Ujian Pra dan Ujian Pos bagi mengenalpasti keberkesanan penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat dalam pengajaran Al-Qur'an.....	102

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1: Adaptasi Model Kerangka Konseptual Bryant (1974)	6
Rajah 3.1: Komponen reka bentuk kajian	38
Rajah 4.1: Soalan Lisan Ujian Pra Asas Tilawah Al-Qur'an Tahun 1	70
Rajah 4.2: Keputusan Ujian Pra Asas Tilawah Al-Qur'an (sebutan huruf) sebelum penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat.	71
Rajah 4.3: Tahap Pencapaian Ujian Pra Asas Tilawah Al-Qur'an (sebutan huruf).....	72
Rajah 4.4: Pencapaian Responden Sebelum Penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat mengikut huruf.	73
Rajah 4.5: Soalan (lisan) Ujian Pos Asas Tilawah Al-Qur'an Tahun 1	75
Rajah 4.6: Pencapaian Ujian Pos (lisan) Mengikut Huruf	77
Rajah 4.7: Pencapaian Ujian Pos responden selepas penggunaan Muqaddam Noor Al- Hayat	78
Rajah 4.8: Perbandingan Tahap Pencapaian Responden Sebelum dan Selepas Penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat.	79
Rajah 4.9: Soalan Ujian Pra bertulis sebelum penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat bagi mengenalpasti tahap kemahiran membandingbezakan huruf Hija'iyah mengikut jumlah titik dalam kalangan responden.....	81
Rajah 4.10: Keputusan Ujian Pos selepas penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat	83
Rajah 4.11: Tahap pencapaian responden dalam membandingbezakan huruf mengikut jumlah titik sebelum penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat.	84
Rajah 4.12: Soalan Ujian Pos selepas penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat bagi mengalpasti tahap kemahiran murid dalam membandingbezakan huruf mengikut jumlah titik.	86
Rajah 4.13: Keputusan Ujian Pos membandingbezakan huruf mengikut jumlah titik ...	88
Rajah 4.14: Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos Perbandingan Huruf Mengikut Jumlah Titik.	89
Rajah 4.15: Soalan Ujian Pra bagi mengenalpasti tahap kemahiran murid dalam menyambung huruf Hija'iyah.	90
Rajah 4.16: Keputusan Ujian Pra menyambung huruf Hija'iyah sebelum penggunaan MNAH.....	92
Rajah 4.17: Soalan Ujian Pos bertulis bagi kategori sambungan huruf:.....	94
Rajah 4.18: Keputusan Ujian Pos Menyambung Huruf Hija'iyah selepas penggunaan MNAH.....	96
Rajah 4.19: Perbandingan tahap pencapaian responden dalam Ujian Pra dan Ujian Pos	97

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A.....	Surat Kebenaran Kepada Pihak Sekolah.	108
Lampiran B.....	Akuan Persetujuan Guru Menjawab Soalan Temu Bual.	109
Lampiran C.....	Buku Iqra'	110
Lampiran D.....	Iqra' Kaedah Asy-Syafi'e.	111
Lampiran E.....	Muqaddam Tajwid.	112
Lampiran F.....	Muqaddam bergambar.....	113
Lampiran G.....	Muqaddam Muhammad (1972).	114
Lampiran H.....	Buku Tamhid Al-Baghdadi.	115
Lampiran I.....	Muqaddam Al-Qur'an.	116
Lampiran J.....	Muqaddam Al-Qur'an Juzu' Amma.	117
Lampiran K.....	Iqra' 6 dalam 1 edisi baru.	118
Lampiran L.....	Kad Al-Furqan.	119
Lampiran M.....	Muqaddam Noor Al-Hayat Halaman 2 dan 3.	120
Lampiran N.....	Muqaddam Noor Al-Hayat Halaman 4, 5, 11 dan 14.....	121
Lampiran O.....	Muqaddam Noor Al-Hayat Halaman 13 dan 15.....	122


SINGKATAN

SWT	- subhanahu wata'ala
SAW	- sallallahu alaihi wasallam
KSSR	- Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KPM	- Kementerian Pelajaran Malaysia
YAB	-Yang Amat Berhormat
GPI	- Guru Pendidikan Islam
PPD	- Pejabat Pelajaran Daerah
JPN	- Jabatan Pelajaran Negeri
BTPN	- Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri
IPG	- Institut Pendidikan Guru
IPTA	- Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	- Institut Pengajian Tinggi Swasta
FPBU	- Fakulti Pengajian Bahasa Utama
PdP	- Pengajaran dan pembelajaran
TAJ	- Tadika Islam Johor
USIM	- Universiti Sains Islam Malaysia
a.s	- Alaihissalam
r.a	- radhiallahu anhu
MNAH	- Muqaddam Noor Al- Hayat

BAB 1 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN.

Gua Hira' menyaksikan peristiwa teragung penurunan Al-Qur'an dari Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW melalui Malaikat Jibril a.s. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Qadr ayat 1:



Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada Malam Lailatul-Qadar.

Mukjizat teragung ini terpelihara sehingga sekarang di mana bacaan ayat-ayatnya dialunkan dan dipelajari di semua peringkat pendidikan. Menurut pendapat yang dikemukakan oleh Dr. Subhi Al-Salih Al-Qur'an merupakan perkataan yang berasal dari Bahasa Arab iaitu **قَرَأَ** yang bermaksud bacaan. Manakala definisi Al-Qur'an ialah kalam Allah SWT yang merupakan mukjizat yang ditulis di dalam mushaf serta diriwayatkan dengan mutawatir dan membacanya adalah ibadah (Abdul Hafiz Dusuki, 1990). Sabda Rasulullah SAW:

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1. PENDAHULUAN

Al-Quran adalah mukjizat yang terbesar dan teragung dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada Rasulullah S.A.W melalui perantaraan malaikat Jibril. Kemudian Nabi S.A.W diperintahkan Allah S.W.T agar menyampaikan kepada seluruh manusia. Adapun isi kandungan al-Quran sarat dengan petunjuk yang akan membawa manusia ke arah kebahagiaan hidup di dunia apatah lagi akhirat.

Di dalam Bab 1, pengkaji telah menyatakan tentang pengenalan tentang masalah yang akan dikaji iaitu berkaitan dengan kelemahan murid dalam menyebut dan mengenal huruf Hija'iyah. Seterusnya dalam bab ini, pengkaji akan menceritakan tentang teori-teori yang berkaitan, kajian-kajian yang terdahulu, dalil yang menunjukkan kepentingan membaca Al-Qur'an serta contoh-contoh muqaddam, buku dan kitab yang digunakan sebagai bahan dalam pengajaran Al-Qur'an.

2.2. MUQADDAM

Perkataan Muqaddam berasal dari perkataan Bahasa Arab yang diambil daripada perkataan “Qaddama – Yuqaddimu” yang bererti “Yang didahulukan”. Menurut pengertian yang biasa digunakan oleh masyarakat muslimin Muqaddam ialah sebuah buku panduan belajar Al-Quranul Karim bagi peringkat permulaan. Bolehlah dianggap bahawa Muqaddam itu seumpama buku mengenal A, B, C bagi kanak-kanak sebelum

mereka jauh melangkah untuk membaca buku, akhbar dan majalah. Kanak-kanak ataupun mereka yang baru hendak mengenal Al-Quranul Karim mempelajari Muqaddam terlebih dahulu kerana isi-isinya adalah sangat sesuai dengan tahap mereka. Mereka dilatih terlebih dahulu melalui Muqaddam ini dengan mengenal huruf-huruf abjad (Arab), kemudian mengeja dan akhirnya masuk ke dalam surah-surah yang mudah daripada Juzuk ke-30 yang merupakan surah-surah Al-Mufassol (Al-‘Allamah Syeikh Mana’ el-Qotton).

Al-Haji Yusuf Al-Bandari (1972) menyatakan bahawa Muqaddam merupakan bahan pengajaran Al-Qur’an bagi dipelajari dengan mudah oleh lapisan kanak-kanak Islam yang baru menempuh pengajian serta dapat difahami dengan secepat mungkin. Menurutnya, guru perlulah mengajar murid membaca ayat-ayat Al-Qur’an secara berulang-ulang kali bermula dengan kalimah, kemudian ayat pendek dan seterusnya kepada semua ayat Al-Qur’an secara keseluruhannya.

Manakala menurut Ustaz Hassan Bin Mahmud (1993) pula Muqaddam merupakan kitab yang menerangkan teknik-teknik pembelajaran membaca Al-Qur’an menurut tertib As-Sunnah yang dilaksanakan untuk masyarakat Islam di Malaysia sama ada di peringkat kanak-kanak ataupun dewasa. Menurutnya, sebenarnya di Malaysia pembelajaran membaca Muqaddam Al-Qur’an dalam kalangan masyarakat Islam telah lama digunakan sama ada di masjid, surau, madrasah serta di rumah-rumah persendirian.

Muqaddam adalah pengenalan dan permulaan kepada Al-Qur’an yang diturunkan dengan penuh mukjizat. Susunan bahasanya sungguh istimewa sehingga anak kecil pun

BAB 3

METODOLOGI

3.1. PENDAHULUAN.

Kamus Dewan (DBP) Edisi ketiga menyatakan bahawa metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan. Metodologi penyelidikan merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian (L. R. Gay, 1996). Bab ini menerangkan tentang metodologi yang digunakan dalam menjalankan kajian. Aspek-aspek yang dibincangkan ialah perkara utama untuk melakukan kajian mengikut peringkat yang dirancang. Antara aspek yang disentuh ialah sampel kajian, kaedah atau cara pengumpulan data, instrumen yang digunakan untuk mengumpul data dan bagaimana data-data tersebut akan dianalisis.

3.2. PENDEKATAN KAJIAN.


Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif bersesuaian dengan tajuk, persoalan kajian dan objektif kajian yang menghala ke arah penerokaan, penemuan baru dan penerangan (Bloomberg & Volpe, 2008). Kaedah kuantitatif digunakan adalah bertujuan menjawab persoalan kajian “Apakah tahap penguasaan murid dalam membanding beza sebutan huruf?” iaitu soalan pra ujian dan ujian pos ditadbir bagi mengenalpasti tahap pencapaian murid dalam bacaan Al-Qur’an seterusnya data dianalisis. Manakala kaedah kualitatif yang digunakan adalah lebih bersifat subjektif

seperti temu bual, percakapan, pemerhatian dan perekodan perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah yang dikaji.

3.3. BENTUK KAJIAN.

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah merupakan adaptasi daripada reka bentuk yang telah digunakan oleh Wiersma (1995) seperti yang ditunjukkan dalam rajah 3.1.

Rajah 3.1: Komponen reka bentuk kajian



Rajah 3.1 menunjukkan peringkat kajian yang dijalankan oleh penyelidik dan mengadaptasikan model Wiersma (1995). Peringkat awal, penyelidik akan menentukan jangkamasa kajian. Kemudian merangka prosedur kajian dan merangka instrument kajian yang hendak digunakan. Pada peringkat pengumpulan data, penyelidik akan memilih sampel kajian dan mentadbir ujian penulisan. Kemudian data dikumpulkan dan semakan

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENDAHULUAN

Pengkaji telah menggunakan tiga jenis instrumen bagi mendapatkan data kajian iaitu Ujian (Ujian Pra dan Ujian Pasca), pemerhatian dan temu bual di mana setiap instrumen mengukur objektif yang berbeza. Bagi ujian pra dan pasca yang dijalankan oleh pengkaji akan memberi gambaran perbandingan perbezaan markah sebelum dan selepas kaedah kajian dijalankan. Bab ini juga dapat merungkai hasil dapatan bagi mengetahui tahap kemahiran menyebut, mengenal dan menulis huruf Hija'iyah bagi setiap responden. Terdapat sepuluh soalan akan diajukan bagi kemahiran menyebut dan mengenal huruf Hija'iyah kepada sepuluh responden iaitu murid tahun 1 Bestari yang telah dipilih oleh pengkaji berdasarkan keputusan soalan Ujian Pra. Seterusnya pada soalan temubual, pengkaji akan mengenalpasti peratusan murid mengenai minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Kemudian, pengkaji akan mengemukakan laporan dari nota lapangan hasil dari sesi pemerhatian sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan berkaitan dengan cara menyambung huruf Hija'iyah.

4.2 PROFIL RESPONDEN

Kajian ini telah dijalankan ke atas murid tahun 1 Bestari seramai 27 orang. Berumur tujuh tahun dan berlatar belakangkan sosio ekonomi sederhana. Walaubagaimanapun, setelah dijalankan ujian pra, pengkaji mendapati sepuluh orang murid mendapat markah terendah yang terdiri dari 5 orang murid lelaki dan 5 orang murid

perempuan. Responden ini dipilih berdasarkan markah Ujian Pra Asas Tilawah Al-Qur'an berbentuk lisan dan bertulis yang menunjukkan terdapat kelemahan dari segi mengenal huruf Hija'iyah dari segi bilangan titik huruf, bentuk, sebutan dan cara sambungannya.

4.3 TEMU BUAL RESPONDEN

Pengkaji telah mengadakan sesi temu bual bersama peserta kajian (PK) sebelum, semasa dan selepas penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat (MNAH) dijalankan. PK ditemu bual secara berkumpulan sebanyak 3 sesi bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh pengkaji. Sebelum temu bual dilaksanakan, penyelidik telah meminta kebenaran daripada pihak sekolah (rujuk lampiran A). Segala temu bual dirakam dengan menggunakan pita rakaman. Setelah selesai sesi temu bual, pengkaji membuat transkrip temu bual untuk mendapatkan jawapan bagi setiap permasalahan yang dikaji.

Selain itu, pengkaji juga menjalankan sesi temubual bersama salah seorang guru Pendidikan Islam veteran yang telah mengajar Pendidikan Islam selama 25 tahun. Sesi temubual direkodkan bagi mengetahui kelebihan dan kelemahan pengajaran menggunakan Iqra' serta perbandingannya dengan menggunakan MNAH berdasarkan pengalaman yang dilaluinya. Transkrip temu bual disediakan bagi membantu mendapatkan maklumat yang diperlukan.

BAB 5

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1. PENDAHULUAN

Dapatan kajian telah pun diperolehi berpandukan kaedah yang telah dirancangkan berpaksikan objektif serta soalan kajian yang dipilih. Adalah menjadi persoalan di minda pengkaji tentang apakah faktor yang menyebabkan kelemahan murid Sekolah Rendah dalam pembacaan Kitab Suci iaitu Al-Qur'anul Karim. Bermula dengan perkara asas bacaan Al-Qur'an iaitu sebutan huruf Hija'iyah sehinggalah kepada penyambungan huruf menjadi kalimah. Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap pencapaian murid sekolah rendah dalam kemahiran-kemahiran melibatkan perkara asas yang perlu dikuasai oleh murid dalam pembacaan Al-Qur'an serta mencari alternatif untuk menangani isu ini iaitu dengan menggunakan Muqaddam Noor Al-Hayat.

Dalam bab ini, perbincangan dan rumusan hasil dapatan kajian yang telah dianalisis diperbincangkan. Di samping itu juga, beberapa cadangan dikemukakan untuk dijadikan panduan serta rujukan bagi penyelidik yang akan datang. Cadangan-cadangan ini adalah bertujuan untuk dijadikan kajian lanjutan supaya kajian yang seterusnya akan dapat diteruskan oleh penyelidik-penyelidik yang berminat dalam bidang ini.

5.2. RUMUSAN HASIL KAJIAN

Daripada hasil kajian ini, pengkaji dapat menyatakan bahawa penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran utama perlu dilaksanakan secara total di sekolah rendah. Penggunaan Iqra' boleh dikatakan sebagai medium yang kedua untuk pengenalan kepada asas bacaan Al-Qur'an berdasarkan kandungannya yang kurang menekankan tentang pengenalan kepada huruf-huruf Hija'iyah terlebih dahulu.

Berdasarkan sesi temubual, pemerhatian serta Ujian Pra dan Ujian Pos yang dijalankan bagi setiap persoalan kajian, pengkaji boleh membuat kesimpulan bahawa secara keseluruhannya kaedah pengajaran menggunakan Muqaddam Noor Al-Hayat amat bersesuaian dengan tahap penerimaan ilmu murid-murid tahun 1. Kenyataan ini disokong dengan hasil dapatan daripada sesi temu bual yang melibatkan responden sebelum dan selepas penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat. Ternyata 10 orang responden yang dipilih yang merupakan antara murid yang lemah dalam matapelajaran Pendidikan Islam sebelum ini mengakui sendiri tentang kelebihan penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat ini yang mampu memberikan kefahaman kepada mereka dengan mudah. Kelebihan Muqaddam Noor Al-Hayat juga diakui oleh seorang guru Pendidikan Islam yang telah mengajar selama 25 tahun bahawa penggunaannya dalam proses PdP amat berkesan kerana terdapat pengenalan huruf Hija'iyah yang sistematik dengan sistem warna yang senang difahami.

Hasil daripada keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos juga membuktikan bahawa proses pembelajaran menggunakan Muqaddam Noor Al-Hayat menunjukkan peningkatan

RUJUKAN

Al-Qur'anul Karim

Al-Hadith Al-Syarif

Abu Ya'la Kurnaedi. 2016. *Kaedah Asy-Syafi'e- Cara Praktis Membaca Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Al-Haji Yusuf Al-Bandari. 1972. *Muqaddam Muhammad atau Juzu' Amma Bergantung Makna*. Percetakan Al-Ma'aruf Sdn. Bhd.

As'ad Humam. 1990. *Buku Iqro' Cara Cepat Belajar Membaca Al-Qur'an*. Jakarta: Departemen Agama Pusat Jakarta.

Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Islam. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Dokumen Standard Sekolah Rendah (Pendidikan Islam) Tahun 1*. 2011. Putrajaya: Era Maju Marketing Sdn. Bhd.

Dr. Hajjah Noor Hayati Binti Hashim. 2014. *Muqaddam Noor Al-Hayat*. Kajang, Selangor: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.

Ghazali Bin Jusoh. 2011. *Keberkesanan Kaedah Iqra' Dalam Pembelajaran dan Pengajaran Tilawah Al-Qur'an 3 Bulan Pertama Bagi Pelajar Tahun 1 SK Nangan Stras Maradong Bintangor*. Sarawak: Open University Malaysia.

Ghazali Darussalam. 2004. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Resam Publications & Distributors.

Haji Abdul Qader Leong. 2012. *Tajwid Al-Qur'an Resam Uthmani*. Selangor: Abdul Kadir Bin Abdullah.

Haji Mohd. Fadzil Haji Salleh. 2014. *Muqaddam Tajwid*. Kuala Lumpur: PDI Publications Sdn Bhd.

Hanafi Mohamad. 1996. *Falsafah Pendidikan Menurut Al-Qur'an*. Selangor: Pustaka Ilmi.

Hasnah Binti Yahya, Muhammad Nasir Bin Arshad & Zarina Binti Mahyuddin. 2010. *Buku Teks Pendidikan Islam Tahun 1 KSSR*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jalaluddin Hasanuddin Al-Baghdadi. 2011. *Tajwid Al-Baghdadi*. Batu Caves, Selangor: Syihab Resources.

- Jalaluddin Hasanuddin Al-Baghdadi. 2011. *Tamhid Al-Baghdadi*. Batu Caves, Selangor: Syihab Resources.
- Kamal Mahyuddin @ Che Awang Harun. 2016. *Kad Al-Furqan*. Kuala Lumpur: WMZ Media Sdn. Bhd.
- Lajnah Pentashih Mushaf Al-Qur'an. 1990. *Mushaf Al-Qur'anul Karim dan Terjemahannya*.
Madinah Al-Munawwarah.
- Mahizer bin Hamzah. *Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan Sekolah Rendah*. Tanjung Malim, Perak: UPSI.
- Mohd Aderi Che Noh. Rohani Ahmad Tarmizi. 2009. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, Bangi: UKM.
- Mohd. Alwi Yusoff, Adel M. Abdulaziz & Ahmad Kamel Mohamed. 2003. *Keberkesanan Iqra' Sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Mes Enterprise.
- Mohd. Yusuf Ahmad. 2000. *Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- n.a. 2008. *Muqaddam Al-Qur'an Juzu' Amma Resam Uthmani*. Johor: S.A. Al-Habshee Sdn. Bhd.
- n.a. *Muqaddam Bergambar*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.
- Nafisah Binti Yusuf. 2010. *Celik Al-Qur'an Dalam Kalangan Pelajar Sekolah, Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abu Bakar Baginda*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohani Binti Che Chik. 2011. *Keberkesanan Penggunaan Al-Qur'an Mushaf Tajwid Rasm Uthmani Bagi Pengajaran Al-Qur'an Dalam Meningkatkan Penguasaan Hukum Tajwid Melalui Kaedah Tasmik Terhadap Pelajar Tahun Empat*. Open University Malaysia.
- Ustaz Haji As'ad Humam. 2004. *Iqra' Cara Cepat Belajar Al-Qur'an Resam Uthmani*. Kuala Lumpur: Darul Kitab Sdn. Bhd.
- Ustaz Hassan Mahmud Al-Hafiz. 1995. *Muqaddam Al-Qur'an Rasm Uthmani*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers.
- Ustaz Tuan Asmawi bin Tuan Umar .2016. *Kaedah Mudah Belajar Al-Qur'an (Iqra' 6 dalam 1)*, Batu Caves, Selangor: Azmar Prima Enterprise.

<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=keberkesanan>

<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=sekolah+rendah>

[http://library.islamweb.net/newlibrary/display_book.php?idfrom=15&idto=15&bk_no=49
&ID=16](http://library.islamweb.net/newlibrary/display_book.php?idfrom=15&idto=15&bk_no=49&ID=16)

LAMPIRAN

Lampiran A Error! Bookmark not defined.(Surat Kebenaran Kepada Pihak Sekolah)

Nor Zaihasra Binti Che Harun,
No-44, Jalan PP3/12,
Taman Putra Prima,
47100 Puchong,
Selangor.

Norida Binti Hanafiah,
Guru Besar,
SK Puchong Utama 3,
Jalan PU1, Taman Puchong Utama,
47100 Puchong,
Selangor.

8 MAC 2016.

Puan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN TEMU BUAL

Perkara di atas adalah dirujuk. Saya Nor Zaihasra Binti Che Harun (No. Matrik 1122552) ingin memohon kebenaran daripada pihak puan untuk menjalankan sesi temu bual ke atas murid-murid Tahun 1 Bestari dan guru Pendidikan Islam.

2. Untuk makluman pihak puan, tajuk kajian saya ialah “Keberkesanan penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat ke atas murid sekolah rendah” yang melibatkan 10 orang responden dari kalangan murid kelas 1 Bestari bermula 10 Mac 2016. Penyelidikan ini dilaksanakan sebagai memenuhi kehendak kertas penyelidikan EBP4293 Latihan Ilmiah bagi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam Sekolah Rendah dengan kepujian Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

3. Adalah menjadi harapan saya agar puan dapat memberikan kebenaran untuk saya menjalankan sesi temu bual ini. Segala kerjasama yang diberikan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

(NOR ZAIHASRA BINTI CHE HARUN)